KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kelibat harimau 3 beranak

17 keluarga Orang Asli Kampung Remau pindah sementara bimbang serangan pak belang

Gua Musang

Seramai 17 keluarga Orang Asli dari Kampung Remau, Pos Bihai di sini meninggalkan kediaman masing-masing susulan ternampak kelibat tiga harimau belang dewasa di sekitar kebun dan kawasan kediaman mereka, sejak Jumaat lepas.

Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Gua Musang Azman Ngadiron berkata, rata-rata penduduk berpindah ke Kampung Tendrik, Pos Bihai selepas menyedari kehadiran haiwan liar itu yang didapati berkeliaran di sekitar kawasan penempatan mereka.

"Ada beberapa penduduk berpindah ke dewan, rumah saudara atau rakan buat sementara waktu kerana bimbang diserang haiwan liar berkenaan.

"Kami melaporkan hal ini kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mengenai kehadiran tiga harimau dipercayai daripada 'satu keluarga' pada Jumaat lepas," katanya, semalam.

Azman bagaimanapun berkata, semua penduduk Orang Asli dari Suku Temiar itu diberi bantuan makanan asas bagi meringankan beban mereka kerana berpindah dari kampung.

"Kita menasihatkan penduduk sekitar Kampung Remau berhati-hati dan berwaspada melaksanakan aktiviti harian dengan memaklumkan segera jika melihat kehadiran haiwan itu.

"Penduduk diminta membersihkan kawasan kebun dan kediaman bagi mengelak kawasan bersemak supaya tidak menjadi tempat persembunyian haiwan liar sebelum merancang strategi menyerang manusia," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Orang Asli dari Kampung Badak, Pos Bihai iaitu Adin Andok, 45, berdepan detik cemas apabila diserang harimau belang betina pada 4 Julai lepas dalam kejadian jam 3 petang di kebun ubi kayu, di sini.



PERANGKAP dipasang Perhilitan Kelantan untuk menangkap harimau belang di Kampung Remau.



